

## Definisi Ilmu Faraid

Ilmu faraid juga dikenali sebagai ilmu waris dan ilmu pusaka. Ia bersangkut-paut dengan harta peninggalan si mati.

## Kelebihan Ilmu Faraid

Ilmu faraid adalah ilmu yang penting. Allah s.w.t telah mewasiatkannya kepada manusia dalam firman Nya:

يُوصِّيْكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكِرِ مِثْلُ حَظِّ الْأَنْشَاءِ

*(Surah An-Nisaa ayat 11)*

**Maksudnya:** Allah telah mewasiatkan kepada kamu tentang hal anak-anak kamu (iaitu apabila kamu mati). Bahagian lelaki adalah dua kali bahagian perempuan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ وَعَلِمُوهَا النَّاسَ، فَإِنِّي أَمْرُؤٌ مَقْبُوضٌ، وَإِنَّ الْعِلْمَ سَيَقْبَضُ وَتَظْهَرُ الْفِتْنَ حَتَّى يَخْتَلِفَ الْإِثْنَانِ فِي الْفَرِيْضَةِ فَلَا يَجِدَانِ مَنْ يَفْصِلُ بَيْنَهُمَا.

*(Hadis riwayat Imam Ahmad dari Ibn Mas'ud)*

**Maksudnya:** Belajarlah ilmu faraid dan ajarlahnya kepada manusia kerana sesungguhnya aku ini (iaitu Rasulullah) adalah

manusia yang akan mati dan sesungguhnya ilmu ini (iaitu faraid) akan ditarik dari manusia, dan akan berlaku fitnah antara manusia sehingga apabila bertengkar dua orang tentang ilmu faraid, mereka tidak dapat mencari seseorang yang dapat menyelesaikan di antara mereka.

Juga sabda Rasulullah s.a.w.:

تَعْلَمُوا الْفَرَائِضَ فَإِنَّهَا مِنْ دِينِكُمْ، وَعَلِمُوهَا النَّاسُ فَإِنَّهَا نِصْفُ الْعِلْمِ  
وَإِنَّهَا سَتَتِسَّ، وَإِنَّهَا أَكَلُ مَا يَنْزَعُ مِنْ أُمَّتِي.

*(Hadis riwayat Hakim dan Abu Daud dari Abi Hurairah)*

**Maknanya:** Belajarlah ilmu faraid kerana sesungguhnya ia sebahagian dari ugama kamu dan ajarkanlah ia kepada manusia kerana sesungguhnya ia merupakan separuh ilmu, dan sesungguhnya ia akan dilupakan dan sesungguhnya ia adalah ilmu pertama yang akan dicabut dari umatku.

## Rukun-Rukun Pembahagian Pusaka

Rukun-rukun pembahagian pusaka adalah:

1. Orang yang mati (pewaris)
2. Orang yang mewarisi (ahli waris)
3. Harta yang didapati melalui pembahagian faraid.

## Syarat-Syarat Pembahagian Pusaka

Syarat-syarat pembahagian pusaka adalah:

1. Matinya si Mati dengan yakin.

Kematian tersebut perlu diyakini oleh semua yang melihat mayat tersebut dan dipastikan oleh pakar perubatan yang dipercayai. Sekiranya seseorang itu hilang untuk satu tempoh masa yang lama, dia boleh dianggap telah mati jika ikut keadaan dan masa, biasanya orang sedemikian sudah mati. Tetapi hanya hakim sahaja yang boleh putuskan sedemikian. Contohnya, orang yang hilang dihanyutkan ombak tsunami.

2. Orang yang mewarisi masih hidup semasa matinya si Mati.

Yang mewarisi berhak mendapat harta pusaka si Mati walaupun dia hanya hidup sesaat sahaja selepas kematian si Mati. Contohnya, si anak mati sesaat selepas bapanya mati. Maka si anak berhak mendapat harta pusaka bapanya, tetapi hari itu kemudian diagihkan kepada ahli waris si anak pula. Sekiranya orang yang mewarisi itu belum bernyawa (belum hidup) ketika kematian si Mati, maka dia tidak berhak mendapat harta si Mati. Contohnya, janin dalam perut ibu yang umurnya kurang 120 hari tidak berhak mendapat harta pusaka bapanya yang mati ketika itu kerana roh hanyalah ditiup selepas 120 hari.

3. Mengetahui sebab perwarisan.

Orang yang mewarisi perlu yakin sebab yang membolehkan dia mewarisi harta si Mati. Jika dia tidak yakin sebab itu wujud, dia tidak berhak mewarisi.

## **Sebab-Sebab Penerimaan Harta Pusaka**

Seseorang mendapat harta pusaka kerana:

### **1. Ikatan Kekeluargaan**

Ini merupakan sebab paling utama bagi semua ahli waris melainkan suami dan isteri. Ikatan kekeluargaan bermaksud si Mati dan ahli waris ada pertalian darah.

### **2. Ikatan Perkahwinan**

Ikatan perkahwinan ini hanya terhad kepada suami dan isteri. Ikatan ini berterusan walaupun suami isteri itu telah bercerai dengan talak satu atau dua selagi mana belum habis iddah isteri. Jika sudah habis iddah, dan berlaku kematian salah seorang daripada mereka, pihak yang hidup tidak mewarisi.

### **3. Ikatan hamba dan tuannya**

Ikatan ini tidak wujud lagi pada zaman sekarang kerana tiada lagi penghambaan manusia di dunia.